RINGGIT
BIL. 2/2020
RAKAN KEWANGAN ANDA
PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)



Penangguhan Pembayaran Balik Pinjaman



Penangguhan Bayaran Premium/Sumbangan untuk Insurans Hayat/ Takaful Keluarga



Akaun Keldai



Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

Adakah anda mempunyai sebarang komen mengenai RINGGIT?

Sila imbas kod QR untuk tinjauan bagi Majalah Ringgit.

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi **Prihatin Rakyat**

Pada 27 Mac 2020, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion yang akan memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Pakej ini disusuli pula dengan Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau "Prihatin Tambahan" sebanyak RM10 bilion untuk membantu meringankan beban kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pakej rangsangan oleh pihak kerajaan ini amat dialu-alukan untuk membantu rakyat menangani kekangan kewangan akibat wabak COVID-19. Walaupun ramai pengguna terjejas dan tidak dapat menjalankan urusan kerja untuk menjana pendapatan, namun langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dapat membantu mereka meneruskan kehidupan seharian. Di samping itu, pakej rangsangan ini juga dapat menggerakkan ekonomi rakyat yang terjejas berikutan penguncupan aktiviti ekonomi berikutan wabak COVID-19 ini.



"Walaupun pengguna tidak dapat menjalankan uru menjana pendapatan, namun langkah yang dia kerajaan dapat membantu mereka menjalani kehidu

Antara manfaat yang diterima oleh rakyat adalah seperti berikut:

Bantuan PRIHATIN NASIONAL

RM1,600
kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM4,000.

RM1,000
kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM4,001 hingga RM8,000.

RM800
kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah.

RM500
kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan lebih RM2,000 hingga RM4,000.

BSHR Bantuan Sara Hidup Rakyat

Baki pemberian tunai di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH) dibayar pada bulan

Julai 2020

RM200
bayaran one-off kepada pelajar institusi pengajian tinggi.

Bantuan
RM500
secara one-off kepada penjawat awam termasuk yang berstatus kontrak, pesara kerajaan dan pemandu e-hailing.



RM25 juta

bantuan makanan, penjagaan kesihatan dan tempat perlindungan untuk rumah perlindungan, pusat bantuan dan gelandangan melalui kerjasama NGO dan usahawan sosial.

Pengeluaran pra-persaraan

daripada akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalti cukai dalam tempoh April hingga Disember 2020.

Pengecualian pembayaran sewa selama 6 bulan

bagi Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam, unit-unit sewa untuk milik (RTO) dan premis milik Kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain.

Diskaun bil elektrik

berperingkat antara 15% hingga 50% selama 6 bulan mulai 1 April 2020.

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato’ Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan secara berkala sebanyak enam edisi mulai tahun 2019. Untuk muat turun Ringgit dalam format “PDF“, sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks: 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato’ Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Penangguhan pembayaran balik pinjaman selama 6 bulan, penukaran baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dan penstrukturan semula pinjaman korporat. Penangguhan mulai 1 April 2020 ini termasuklah pinjaman yang diberikan melalui TEKUN, MARA dan koperasi serta agensi kerajaan yang memberikan pinjaman kepada PKS.



Internet percuma kepada semua pelanggan telekomunikasi bermula 1 April 2020 sehingga tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.



Dana khas RM100,000 - RM200,000 untuk setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK).



Subsidi upah sebanyak **RM600 sebulan selama 3 bulan** untuk pekerja berpendapatan RM4,000 ke bawah (tiada pemberhentian tenaga kerja).



Penangguhan pembayaran premium atau sumbangan ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful keluarga untuk tiga bulan bagi pencarum yang sumber pendapatan mereka terjejas akibat wabak COVID-19.





Pengguna haruslah menggunakan wang yang diterima dengan bijak. Mereka perlu berhemat dalam berbelanja dan dapat membezakan antara keperluan dengan kehendak. Pengguna juga dinasihatkan berbelanja dengan bijak.

Perubahan corak perbelanjaan dapat membantu mengharungi kehidupan anda sekeluarga dalam menghadapi cabaran kewangan. Jangan risau dan rancanglah kewangan anda sekeluarga.

- **Pastikan kesinambungan hidup** – gunakan simpanan kecemasan, manfaatkan kemudahan penangguhan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan.
- **Kaji semula matlamat kewangan anda**, termasuklah strategi pelaburan, rancangan percutian mahupun hasrat untuk membeli kereta baru.
- **Utamakan perbelanjaan untuk memenuhi keperluan terlebih dahulu**. Ubah gaya hidup, jika perlu.
- Sebolehnya, **elakkan kompromi perlindungan insurans/takaful anda** sekeluarga. Manfaatkan penangguhan pembayaran premium insurans.
- Hubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), bank atau syarikat insurans/ pengendali takaful anda untuk dapatkan **nasihat dan bantuan segera**, sebelum masalah kewangan menjadi tidak terbendung.

"Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP), punca pendapatan orang ramai kebanyakannya terjejas. Bantuan Prihatin yang diberikan oleh kerajaan haruslah dihargai. Anda perlu menggunakan bantuan ini dalam menjalani kehidupan sepanjang tempoh PKP ini. Pengguna haruslah bijak dalam merancang perbelanjaan mereka. Keutamaan diberikan kepada perbelanjaan untuk barangan keperluan seharian.

Di samping itu, mereka harus menyimpan wang mereka untuk hal-hal kecemasan. Keinginan dan kehendak harus diketepikan buat sementara waktu.

Dalam erti kata lain, pengguna harus menguruskan kewangan mereka dengan bijak untuk mengharungi kehidupan dalam keadaan yang selamat."

– Dato' Dr. Paul Selva Raj,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF FOMCA

Sumber: www.pmo.gov.my

Penangguhan Pembayaran Balik Pinjaman



"Penangguhan pembayaran balik pinjaman ini memberi kesan yang positif kepada para pengguna. Ianya membolehkan mereka merancang dengan wang yang mereka ada ...."



Apakah maksud penangguhan pembayaran balik pinjaman?

Merupakan penangguhan atau penggantungan sementara obligasi pembayaran balik pinjaman, termasuklah pembiayaan oleh bank-bank Islam selama enam bulan (pokok dan faedah/keuntungan) untuk membantu aliran tunai individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berkemungkinan terjejas akibat COVID-19.



Kriteria kelayakan penangguhan pembayaran balik pinjaman

- Pinjaman TIDAK TERTUNGGAK melebihi 90 hari pada **1 April 2020**
- Pinjaman dalam denominasi Ringgit Malaysia

Penangguhan ini tidak diberikan kepada kemudahan kad kredit.



Jenis pinjaman yang ditawarkan penangguhan pembayaran balik pinjaman

- Pinjaman perumahan
- Pinjaman kenderaan
- Pinjaman peribadi
- Pinjaman perniagaan

Perkara Yang Perlu Diketahui



Jika **TIDAK MAHU PENANGGUHAN,** peminjam perlu maklumkan kepada bank dan bayar balik pinjaman seperti biasa.

Pinjaman yang tertunggak lebih daripada **90 HARI** TIDAK LAYAK mendapat penangguhan ini.

Tempoh penangguhan: **1 APRIL 2020 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2020.**

TIADA CAJ FAEDAH TAMBAHAN jika mengambil penangguhan pembayaran balik pinjaman sewa beli (konvensional dan Syariah), jumlah ansuran bulanan yang dibayar oleh peminjam akan kekal sama sepanjang tempoh keseluruhan pinjaman.

TIADA FAEDAH ATAU CAJ LEWAT BAYAR ke atas pembayaran lewat.

Peminjam TIDAK AKAN dimasukkan di bawah **CCRIS** bagi penangguhan pembayaran balik pinjaman.

SELEPAS TEMPOH 6 BULAN INI, pinjaman perlu dibayar semula.

Apakah yang perlu peminjam lakukan selepas tempoh 6 bulan tersebut?

Teruskan pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang baharu. Bank akan memberitahu peminjam berkaitan maklumat pembayaran balik pinjaman. Jika perlu, peminjam boleh memohon untuk membayar balik pada jumlah yang lebih rendah dan tempoh yang lebih panjang.

**Pemegang kad kredit yang menghadapi kekangan kewangan boleh memilih untuk menukar baki kad kredit kepada pinjaman berjangka. Fleksibiliti penangguhan pembayaran balik kad kredit ini boleh dimanfaatkan oleh pemegang kad dari 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.*

**Baki kad kredit boleh ditukar kepada pinjaman bertempoh tidak melebihi 3 tahun pada kadar faedah tidak melebihi 13% setahun.*

Penangguhan pembayaran balik pinjaman ini memberi kesan yang positif kepada para pengguna. Ianya membolehkan mereka merancang wang yang mereka ada untuk membeli barangan keperluan dan menyimpan untuk tujuan kecemasan. Namun demikian, para pengguna juga dinasihatkan supaya jangan berbelanja dengan sewenang-wenangnya kerana pada hakikatnya mereka perlu membayar balik pinjaman tersebut selepas enam bulan.

Sebagai pengguna, anda perlu ingat penangguhan yang diberikan adalah untuk meringankan beban pengguna yang mungkin terjejas sumber pendapatan akibat wabak yang melanda sekarang ini. Oleh itu, bantuan yang diberikan tidak harus dipandang enteng dan dijadikan alasan untuk tidak berhati-hati dalam perbelanjaan.

Dalam situasi sebegini, pengguna perlu berhemat dalam perbelanjaan dan meningkatkan simpanan atau tabungan untuk mengharungi cabaran kewangan mendatang. Jadilah pengguna yang bijak.

Sumber: www.bnm.gov.my



Penangguhan Bayaran Premium/ Sumbangan untuk Insurans Hayat/Takaful Keluarga

Wabak COVID-19 yang melanda dunia awal tahun ini memberikan kesan besar kepada kesihatan rakyat dan ekonomi negara. Isi rumah di Malaysia juga tidak terkecuali daripada terkesan dengan wabak ini. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia menganggarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan menjejaskan 2.4 juta pekerjaan atau 15.7 peratus jumlah pekerjaan di Malaysia. Manakala, dapatan kajian khas kesan COVID-19 terhadap individu dan ekonomi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pula mendapati hampir separuh atau sebanyak 46.6 peratus responden yang bekerja sendiri mengakui kehilangan sumber pendapatan kesan daripada wabak ini. Kaji selidik itu disertai seramai 168,182 responden yang berumur 15 tahun ke atas secara dalam talian bermula 23 hingga 31 Mac 2020.

Pengendali insurans hayat dan takaful menawarkan kelonggaran

Perubahan corak perbelanjaan dapat membantu mengharungi cabaran kewangan di saat-saat sebegini. Bagi meringankan beban kewangan isi rumah di Malaysia, 25 syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga telah memberikan kelonggaran kepada pemegang polisi/sijil yang terjejas akibat penularan COVID-19 untuk menangguhkan bayaran premium/sumbangan serta fleksibiliti yang berkaitan. Langkah bantuan ini telah diumumkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) pada 27 Mac 2020. Walau bagaimanapun, elakkan daripada membatalkan perlindungan insurans/takaful anda sekeluarga yang sudah sedia ada.

Kelayakan untuk penangguhan bayaran premium/sumbangan

- Pemegang polisi/pemegang sijil yang terjejas* secara langsung akibat COVID-19 akan diberikan penangguhan bayaran premium/sumbangan selama tiga bulan (90 hari); dan
- Hanya untuk premium/sumbangan yang perlu dibayar antara **18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020**.

**Merujuk kepada individu yang telah dijangkiti, dikenakan kuarantin mandatori di rumah atau mengalami kehilangan pendapatan; dan pemilik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mengalami kehilangan pendapatan perniagaan, akibat daripada kesan ekonomi yang terhasil akibat wabak COVID-19.*

Permohonan penangguhan pembayaran

Pemegang polisi/sijil yang terjejas boleh membuat permohonan penangguhan daripada syarikat insurans hayat atau pengendali takaful keluarga bermula 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

Tempoh penangguhan bayaran

Penangguhan bayaran premium/sumbangan 90 hari akan diberikan dari tarikh akhir premium/sumbangan perlu dibayar setelah mendapat kelulusan dan ianya tertakluk kepada terma dan syarat-syarat syarikat insurans atau pengendali takaful. Pemegang polisi perlu membayar balik semua premium/sumbangan yang ditangguhkan selepas tamat tempoh penangguhan bayaran 3 bulan premium/sumbangan.

Fleksibiliti lain untuk mengekalkan atau menghidupkan semula perlindungan

Selain itu, syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga juga menyediakan bantuan berikut kepada pemegang polisi/sijil yang terjejas sehingga 31 Disember 2020:

- Melanjutkan tempoh yang membolehkan pemegang polisi/sijil menghidupkan semula polisi/sijil yang telah luput;
- Memberikan pilihan supaya pemegang polisi/sijil boleh terus membuat bayaran premium/sumbangan dan mengekalkan polisi/sijil mereka. Pilihan ini boleh merangkumi perubahan pada jumlah perlindungan, perubahan pada struktur premium/sumbangan dan pertukaran kepada polisi berbayar (paid up policy);
- Memberikan pengecualian fi dan caj yang dikenakan untuk mengubah polisi/sijil; dan
- Memberikan pengecualian apa-apa penalti/akibat daripada kelewatan pembayaran premium/sumbangan, terutamanya jika pemegang polisi/sijil tidak dapat mengakses saluran pembayaran elektronik semasa PKP.

Hubungi syarikat insurans dan pengendali takaful anda

Anda dinasihatkan untuk menghubungi syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk memahami maklumat yang lebih lanjut berkaitan:

- Manfaat dan terma serta syarat polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga anda;
- Nasihat berhubung dengan pilihan bayaran balik premium/sumbangan yang ditangguhkan; dan
- Kelonggaran/bantuan lain yang ditawarkan oleh syarikat insurans hayat dan pengendali takaful keluarga dan impak ke atas perlindungan insurans dan takaful anda.

Sumber: www.liam.org.my dan www.bnm.gov.my

Akaun Keldai

“ ....amatlah penting untuk orang ramai mengelakkan diri daripada membiarkan pihak sindiket menggunakan akaun bank mereka sebagai akaun keldai.”



Seorang gadis mendakwa menjadi mangsa ‘akaun keldai’ yang membabitkan transaksi wang lebih RM100,000.



“Aqila (bukan nama sebenar), 21, mencari iklan kerja melalui Facebook dan tertarik dengan satu iklan jawatan kosong. Beliau menghubungi nombor telefon yang tertera dalam iklan itu dan diterima bekerja. Beliau diminta untuk memberikan semua butiran peribadi termasuk nombor akaun bank dan dimaklumkan bahawa gajinya dikira sebanyak RM50 setiap kali membuat pemindahan wang secara online. Ratusan transaksi masuk ke akaunnya dalam pelbagai jumlah (RM10,000, RM7,000, RM16,000 dan RM22,879), sehinggalah namanya tular di media sosial kerana menipu sebagai penjual topeng muka. Beliau akhirnya tersedar segala butiran peribadinya digunakan untuk tujuan penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.”

Kisah Aqila ini boleh dijadikan sebagai pengajaran kepada pengguna supaya sentiasa berhati-hati dan tidak mudah tertipu.

Apa itu Akaun Keldai

Akaun bank yang digunakan oleh orang lain tanpa disedari ataupun secara sukarela oleh pemilik akaun tersebut bagi mendapatkan habuan mahupun dengan cara penipuan untuk transaksi kewangan yang tidak sah atau menyalahi undang-undang.

Kumpulan sasaran

Sindiket biasanya mendapatkan akaun keldai (juga dikenali sebagai akaun tumpang) ini dengan memperdaya golongan yang memerlukan pendapatan lebihan serta mempunyai tahap celik kewangan yang rendah. Antara golongan yang sering menjadi mangsa termasuklah:

- Suri rumah
- Penganggur
- Pelajar
- Warga emas

Bagaimanakah orang terpedaya?

- Tawaran upah lumayan mencecah ribuan ringgit untuk membuka atau menyerahkan akaun bank bagi kegunaan pihak ketiga.
- Modus operandi yang menggunakan tawaran peluang pekerjaan sebagai cara bagi mendapatkan akses kepada akaun bank mangsa. Mangsa dikehendaki menyerahkan butiran akaun bank termasuklah nombor PIN kad ATM sebagai syarat diterima bekerja dengan pihak sindiket akaun keldai.

- Terdapat juga syarikat peminjam wang tidak berlesen yang memperdaya peminjam untuk menyerahkan akaun bank mereka sebagai cagaran pinjaman tersebut. Namun pada hakikatnya, pihak sindiket menggunakan akaun bank sebagai akaun keldai.

Tanggungjawab sebagai pemegang akaun bank

Setiap pemegang akaun bank bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa jua transaksi dan maklumat perbankan peribadi mereka. Pemegang akaun tidak sepatutnya mendedahkan atau berkongsi apa jua maklumat perbankan peribadi dengan orang lain. Juga, pemegang akaun tidak seharusnya memberi maklumat perbankan peribadi mereka sewenang-wenangnya untuk apa-apa tujuan sekalipun, walaupun untuk tujuan permohonan pekerjaan mahupun pinjaman dengan mana-mana pihak. Selidik terlebih dahulu latar belakang dengan siapa kita berinteraksi.



Cara-cara mengelakkan salah guna akaun bank

- Jangan serah kad debit/ATM kepada pihak ketiga.
- Jangan dedah maklumat perbankan peribadi, nombor akaun, nombor PIN atau kata laluan kepada pihak ketiga.
- Laporkan kehilangan kad ATM kepada pihak bank dan polis dengan segera.
- Sentiasa berwaspada terhadap mana-mana individu yang tidak dikenali dalam membuat pemindahan wang, kerana ianya boleh didakwa bersubahat melakukan jenayah kewangan bersama suspek.
- Laporkan segera kepada pihak polis atau bank sekiranya mendapati wang di dalam akaun bukan milik anda.

3 Tips elak jadi mangsa akaun keldai

1. **Lindung:** Lindungi kad ATM dan maklumat perbankan peribadi anda dengan tidak berkongsi maklumat tersebut dengan mana-mana pihak.

2. **Lapor:** Laporkan kepada pihak bank atau polis sekiranya mendapati kehilangan kad ATM atau penyalahgunaan akaun bank anda.

3. **Lepas:** Lepaskan diri anda dari bersekongkol dengan pihak yang mengkehendaki anda melakukan aktiviti yang mencurigakan seperti membuat pindahan wang kepada orang yang tidak dikenali.

Implikasi terhadap pemegang akaun keldai

Sekiranya seseorang terjebak menjadi pemegang akaun keldai, individu tersebut boleh disekat daripada menggunakan akaun bank tersebut dan akaun berkenaan boleh ditutup oleh pihak bank. Individu tersebut akan mengalamai kesukaran berurusan dengan bank di masa hadapan. Malah, pemegang akaun keldai boleh disabitkan dengan kesalahan jenayah sekira terbukti dengan sengaja menjadikan diri alat untuk melakukan transaksi menyokong aktiviti yang menyalahi undang-undang. Antara implikasi lain termasuklah:

- Kesukaran untuk menerima pendapatan seperti gaji bulanan melalui akaun bank.
- Kemungkinan kehilangan pekerjaan yang sedia ada atau sukar mendapat peluang pekerjaan lain.
- Kesukaran untuk menjalankan perniagaan memandangkan reputasi telah tercemar.

Justeru itu, amatlah penting untuk orang ramai mengelakkan diri daripada membiarkan pihak sindiket menggunakan akaun bank mereka sebagai akaun keldai. Pesanlah kepada rakan taulan dan sanak saudara supaya kita tidak terjebak dengan akaun keldai ini sama sekali.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan,
sila hubungi Bank Negara Malaysia melalui:
Telefon: **1-300-88-5465 (BNMTELELINK)**
Webform: **https://telelink.bnm.gov.my/**

Sumber: www.bnm.gov.my

Taktik Terkini Akaun Keldai:
Jangan Tertipu



1 IKLAN JAWATAN KOSONG
Mangsa tertarik dengan iklan tersebut dan menghubungi nombor yang tertera

2 TAWARAN PEKERJAAN
Mangsa ditawarkan pekerjaan untuk memindahkan bayaran kepada “pembekal” dan dibayar untuk setiap transaksi

3 KONGSI MAKLUMAT
Mangsa berkongsi maklumat peribadi dan perbankan untuk tujuan melaksanakan pekerjaan tersebut

4 MANGSA DIPERDAYA
Wang masuk ke akaun mangsa mencecah ribuan ringgit dan mangsa memindahkan wang ke akaun "pembekal"

RM

5 MANGSA SEDAR DITIPU
Mangsa sedar ditipu apabila mendapati nombor akaun mangsa terpapar di laman sosial dan dianggap sebagai penipu

PERINGATAN !

- Jangan mudah memberi maklumat peribadi anda kepada pihak lain
- Jangan mudah percaya dengan tawaran kerja di laman sosial

Sumber: Harian Metro, 23 Mac 2020 "Tolonglah itu bukan FB saya"



Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan Hospital Swasta

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah menerima sebanyak 594 aduan berhubung perkhidmatan kesihatan dan perubatan swasta sepanjang tahun 2018. Daripada jumlah ini, 198 aduan atau 33% adalah mengenai kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan. Kebanyakan pengguna mengadu perkhidmatan yang diberikan tidak beretika dan tidak profesional khususnya dalam mendapatkan penjelasan pertanyaan atau tentang sesuatu perkara serta mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklum balas.







Selain itu, terdapat juga banyak rungutan yang mendakwa rawatan yang diterima tidak sempurna, tersalah diagnosis dan juga pemberian ubat yang tidak sesuai. Ketiga-tiga jenis aduan ini merangkumi hampir 265 daripada jumlah aduan.

Kebelakangan ini, banyak isu yang diketengahkan oleh para pengguna, yang tidak berpuas hati mengenai para pengamal perubatan dan ejen insurans seperti yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Masing-masing ingin menegakkan pandangan mereka. Para pengguna menuding jari kepada pihak insurans yang meminta pemegang kad kesihatan membuat pembayaran dahulu dan menuntutnya kemudian. Pemegang kad merungut mereka membayar premium setiap tahun, namun terpaksa membayar dahulu selepas mendapat rawatan. Persoalan yang dikemukakan oleh para pemegang kad adalah, bagaimana mereka hendak menyediakan sejumlah wang yang besar bagi kos perubatan yang tinggi sedangkan mereka sudah membayar premium setiap tahun?

Pihak insurans pula mempersoalkan bayaran yang dikenakan oleh pihak hospital terlalu tinggi dan berbeza antara satu hospital swasta dengan yang lain. Ini menyebabkan syarikat insurans meminta para pemegang kad membayar dahulu dengan harapan kos yang akan dikenakan pihak hospital adalah lebih rendah berbanding dengan bayaran yang dikenakan kepada pihak insurans.

Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), semua hospital swasta di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kewangan serta Bank Negara Malaysia perlu meningkatkan kerjasama untuk mencari jalan penyelesaian dalam mengatasi masalah ini. Situasi sekarang ini bak kata pepatah, "Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah". Itulah situasi sebenar pemegang kad kesihatan dan jangan jadikan pemegang kad kesihatan mangsa dalam hal ini.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

Jangan panik menerima panggilan telefon macau scam

1 TERIMA PANGGILAN

Kad kredit anda telah digunakan oleh pihak ketiga

2 MANGSA CEMAS

Tak, saya tak pernah ada kad kredit! Bukan saya!



3 PENYAMARAN SEBAGAI PEGAWAI

Pemanggil menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia/ PDRM/agensi penguatkuasa yang lain dan meminta maklumat

4 MANGSA PERCAYA

Bagi menyekat penyalahgunaan kad kredit/identiti, mangsa diarahkan memindahkan wang ke akaun kononnya pemegang amanah yang dilantik

5 MENURUT ARAHAN

Mangsa melakukan pemindahan wang atas arahan pegawai tersebut

ATM

6 DUIT LEBUR

Mangsa hanya sedar telah ditipu setelah transaksi selesai

RM

Langkah-langkah keselamatan

JANGAN

PANIK
DEDAHKAN MAKLUMAT PERBANKAN ANDA
PINDAHKAN WANG ATAS ARAHAN SESIAPA

!

Inisiatif literasi kewangan oleh: BANK NEGARA MALAYSIA CENTRAL BANK OF MALAYSIA | BANK NEGARA MALAYSIA LINK | FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

1-300-88-5465 | https://telelink.bnm.gov.my | bnm.official